

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | SELANGOR KINI |
| Date | 04/09/2017 |

Mahathir 'dating' dengan Siti Hasmah naik MRT

Sinar Harian – 4 Sept 2017



KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memuat naik gambar pengalamannya menggunakan Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh - Kajang (SBK).

“Bersama isteri naik MRT SBK, hari ini,” tulisnya. Nyata gambar-gambar tersebut mendapat perhatian para netizen yang rata-rata memuji pasangan tersebut. Pengguna Facebook, Aisha Nur mendakwa Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali sangat ‘sweet’.

“Macam orang muda pergi 'dating', semoga Tun dan isteri sentiasa sihat,” tulisnya.

Turut menyokong, pengguna Facebook, Rosnah Abd Rahman.

“Tun suami isteri tetap di hati. Semoga bahagia hingga ke jannah dan sentiasa dilindungi Allah SWT,” tulisnya.

Malah ada juga yang menjadikan Mahathir sebagai idola dalam mencari jodoh seperti pengguna Facebook, Siti Mafuza.

“Saya harapa dapat berjumpa lelaki seperti Tun dan abah, yang akan menghabiskan masa bersama saya hingga ke hari tua, setia sepanjang hayat bersama yang satu,” tulisnya.

Ada juga yang mengucapkan selamat 'berdating' pada beliau dan isteri seperti pengguna, Irene Yong Yoke Ying.

“Sentiasa kelihatan segar dalam pakaian tersebut. Selamat berdating dengan isteri!” tulisnya.

Sumber: www.sinarharian.com.my